

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha terbaharu Kementerian bagi merancakkan industri pelancongan di Hulu Terengganu sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sentiasa menyokong dan membantu dalam merancakkan industri pelancongan di Hulu Terengganu sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

MOTAC menerusi Sekretariat Visit Malaysia 2020 telah mengambil langkah-langkah bagi merancakkan industri pelancongan di Terengganu iaitu:-

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan Bil 1/2019 telah diadakan pada 19 Mac 2019 bersama-sama Exco-exco Pelancongan negeri bagi tujuan persiapan *Visit Malaysia 2020* yang juga melibatkan negeri Terengganu.

2. Kerajaan Negeri Terengganu diminta untuk berkongsi kalendar acara negeri Terengganu dengan pihak MOTAC untuk dimasukkan sebagai kalendar acara VM2020.
3. Pelaksanaan *Familiarization program* atau *Famtrip* dengan membawa masuk media, agensi pelancongan dari luar negara dengan kerjasama pejabat Tourism Malaysia ke destinasi-destinasi terpilih dengan tujuan menyediakan dan membangunkan pakej serta mempromosikan destinasi pelancongan tersebut, termasuklah di negeri Terengganu.
4. Pejabat MOTAC Terengganu telah diperuntukkan RM170,000 pada tahun ini di bawah peruntukan VM2020 bagi pelaksanaan dua program yang telah dirancang iaitu *Bidong Dive Week 2019* dan *Terengganu Homestay Food & Culture Tourism*.
5. Sesi Pelancaran *Soft Launch* Kempen VM2020 turut dicadang diadakan di setiap negeri termasuklah Negeri Terengganu setelah logo, lagu dan video VM2020 dimuktamadkan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian perlu mempamerkan logo VM2020 di semua bahan cetak dan promosi termasuk *bunting* dan *backdrop* bagi semua acara dan program serta di pintu-pintu masuk utama negeri termasuk negeri Terengganu terutamanya semasa "*Welcome Reception*" pada 1 Januari 2020 kelak.
6. Sesi Pelancaran VM2020 Peringkat Negeri akan diadakan serentak di semua negeri bersekali dengan Majlis Pelancaran Mega VM2020 pada bulan Disember 2019 kelak.
7. Sesi Libat Urus bersama Kerajaan Negeri, Persatuan Pelancong peringkat *State Chapters*, Penggiat Industri, dan pihak swasta di peringkat negeri akan diadakan dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak Tourism Malaysia.
8. Pihak swasta dan syarikat-syarikat persendirian yang menganjurkan program-program pelancongan yang menarik

atau *signature event* boleh memohon bantuan insentif yang ditadbir urus oleh pihak Tourism Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM25.6 juta bagi membiayai 23 projek pembangunan kemudahan pelancongan di negeri Terengganu. Jumlah ini termasuklah RM4.05 juta yang diperuntukan bagi melaksanakan empat buah projek di daerah Hulu Terengganu iaitu:

1. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pusat Perkhidmatan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, Terengganu yang bernilai RM3.4 juta. Komponen projek yang telah disediakan menerusi projek ini adalah dataran; medan tempat letak kenderaan; ruang niaga beserta genset; bekalan air; tandas; dan wakaf.
2. Projek Menaiktaraf Kemudahan Homestay Kampung Buluh, Hulu Terengganu, Terengganu yang bernilai RM0.35 juta. Komponen projek merangkumi bangunan pejabat; dewan terbuka; pusat jualan; wakaf; naik taraf jalan; dan tandas awam.
3. Projek Penyelenggaraan Sistem Pencahayaan serta Kerja Berkaitan di Taman Rekreasi Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu yang berjumlah RM50,000 dan melibatkan komponen seperti pemasangan lampu dekoratif; lampu limpah; Feeder Pillar; dan penyelenggaraan.
4. Projek Menaiktaraf Infrastruktur di Taman Negara Terengganu, Tanjung Mentong, Terengganu (Fasa II) dengan kos RM0.25 juta. Komponen projek adalah menyelenggara tangki air utama; menyelenggara tangga dari jeti ke pejabat; menaiktaraf perisian dan kemudahan pusat interpretif; membaikpulih bumbung asrama pelancong; dan sistem pendawaian elektrik luar.

MOTAC juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Terengganu, Pihak Berkuasa Tempatan dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah dalam mempertimbangkan sebarang cadangan

bagi membangun atau menaiktaraf kemudahan pelancongan di daerah Hulu Terengganu di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas sekiranya berpotensi untuk memastikan produk pelancongan di kawasan tersebut terus daya saing dan memberi faedah kepada masyarakat tempatan serta ekonomi negara.

Pihak kementerian melalui usaha berterusan oleh Pejabat MOTAC Negeri Terengganu telah mengadakan kerjasama dan perbincangan dengan penggiat industri pelancongan melalui persatuan pelancongan negeri Terengganu dalam mengenal pasti cadangan dan perancangan program yang bersesuaian untuk pelaksanaan sempena VM2020 dengan sasaran khusus untuk negeri Terengganu dan tidak menumpukan kepada Hulu Terengganu sahaja.

Selain itu, kerjasama antara pihak Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (Tourism Terengganu) dan Tourism Malaysia Wilayah Timur turut mengadakan segmen *famtrip* dan program pembangunan pakej yang berpotensi dalam mengetengahkan produk pelancongan Hulu Terengganu.

Pejabat MOTAC Negeri Terengganu turut mengadakan bengkel program MyTQA pada 16-18 Jun 2019 serta mengadakan lawatan penilaian *mock-up rating* dan turut menyenaraikan produk-produk di Hulu Terengganu yang bersedia serta berpotensi bagi dipasarkan kepada pelancong domestik dan pelancong asing.

Tourism Malaysia akan menggiatkan lagi aktiviti promosi ke pasaran ASEAN dengan aktiviti promosi di luar negara sejajar dengan VM2020. Antara program yang disertai oleh pasaran ASEAN adalah seperti:

1. ASEAN Tourism Forum (ATF) 2019, Ha Long Bay, Viet Nam
2. Thailand International Travel Fair, Bangkok, Thailand
3. Malaysia Fest, Bangkok, Thailand
4. Travel Madness, Manila, Filipina
5. Vietnam International Travel Mart (VITM), Hanoi, Viet Nam
6. Myanmar Travel Fair, Yangon, Myanmar
7. Cambodia Travel Mart, Phnom Penh, Cambodia

NO. SOALAN : 372

Selain aktiviti promosi, pejabat luar negeri juga sering memberi taklimat kepada pengusaha pelancongan mengenai produk baru daripada Malaysia serta memberi penekanan kepada negeri-negeri yang mengadakan kempen tahun melawat negeri.

Tourism Malaysia melalui pejabat luar negara juga turut melancarkan pakej-pakej khas sempena VM2020 seperti pakej Jualan Hujung Tahun (*Year End Sale*), Moto GP, *KL & Beyond* dan Kenali Warisan Pantai Timur untuk pasaran Asia Tenggara yang bersesuaian dengan pasaran.

Sekian, terima kasih.